

# IQRA'



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

اقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



### **Bengkel Kepentingan Integriti & Jenayah Rasuah Dalam Kalangan Penjawat Awam**

PTAR Cawangan Shah Alam - muka 8



### **Live@PTDI: The Psychology & Law of Cyberbullying**

PTAR Cawangan Johor - muka 15



### **Program PTDI bersama Pelukis: Art As Therapy**

PTAR Cawangan Johor - muka 16



### **Bengkel Systematic Literature Review: Komunikasi Dalam Matematik**

PTAR Cawangan Kelantan - muka 22



### **100 Days of Reading Challenges Sempena Program UiTM Penang Baca**

PTAR Cawangan Pulau Pinang - muka 29



Promosi@PTAR


7 JULAI 2021

BULETIN

Disediakan oleh : Noor Azureen Abd Aziz

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
CAWANGAN SHAH ALAM

Pada 7 Julai 2021, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Shah Alam telah mengadakan Bengkel Semakan Semula dan Pemantapan Job Description (JD) staf PTAR anjuran Jabatan Pentadbiran Organisasi. Bengkel ini diadakan dengan menggunakan platform Webex yang dikendalikan oleh Puan Hani Liza Binti Norfin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan dan telah dihadiri oleh semua pegawai penyelia dan staf pelaksana PTAR UiTM Shah Alam. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menambahbaik dan memantapkan Job Description staf dengan memfokuskan kepada staf pelaksana yang telah menerima kenaikan pangkat di gred jawatan masing-masing. Ia juga merujuk kepada skop, fungsi dan keperluan utama berkaitan tugas staf di jabatan yang berkenaan.




Objektif bengkel ini adalah untuk membuat semakan semula Job Description staf berdasarkan fungsi dan keperluan skop tugas semasa di Jabatan, menambahbaik Job Description individu berdasarkan gred jawatan yang disandang dan juga memberi kefahaman kepada staf mengenai tanggungjawab dan akauntabiliti berdasarkan dokumen Job Description yang disediakan. Bengkel dimulai dengan kata alu-aluan dan diteruskan dengan taklimat serta panduan penyediaan Job Description, semakan semula dokumen JD sedia ada mengikut jabatan masing-masing, perbincangan dan pemurniaan JD bersama kumpulan dan pembentangan serta serahan JD.

28-29 JULAI 2021

BULETIN

Disediakan oleh : Noor Azureen Abd Aziz

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
CAWANGAN SHAH ALAM

Pada 28-29 Julai 2021, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Shah Alam telah mengadakan Bengkel Pemantapan Dokumen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) secara atas talian yang telah dikendalikan oleh Pn. Siti Aishah binti Sadan dan Pn. Jaz Norfazuna binti Jaafar selaku jawatankuasa dalam bengkel ini. Bengkel disampaikan oleh penceramah Tn. Haji Ahmad Faizar Jaafar Pustakawan Kanan, PTAR UiTM Shah Alam. Seramai 21 orang peserta telah menyertai bengkel ini yang terdiri daripada 3 kumpulan iaitu i-Clique, i-Team dan Perantis. Objektif bengkel ini adalah untuk memantapkan prestasi pasukan KIK sebagai persediaan mewakili PTAR ke Konvensyen KIK Zon Tengah UiTM dan peringkat wilayah bagi tahun 2021, meningkatkan kefahaman mengenai teknik pengurusan projek KIK, melaksanakan penambahbaikan dokumentasi projek KIK, membantu dan membimbing kumpulan-kumpulan untuk membuat persediaan/persiapan bahan, memantapkan persembahan bagi memenuhi kriteria penilaian kepada persembahan pengurusan dan penyertaan ke konvensyen dan memberi pendedahan kepada staf baharu mengenai projek KIK.